Public Prosecutor v Mohamad bin Sabu

HIGH COURT (GEORGETOWN) — CRIMINAL APPEAL NO 42LB-34–07 OF 2015
LIM CHONG FONG J
31 MARCH 2017

Criminal Law — Penal Code — s 499 — Accused charged with offence of criminal defamation — Accused offered alternative charge for same offence — Offence allegedly committed by accused in his political speech during public lecture — Sessions court acquitted accused — Whether both charges fatally flawed — Whether learned judge considered evidence adduced by prosecution in entirety — Whether learned judge fell into serious misdirection in concluding that accused's speech concerned only struggle for independence — Whether learned judge erred in fact and law when held that prosecution had not sufficiently proven its case when complainant themselves did not personally hear accused's speech — Whether learned judge rightly acquitted accused without calling for his defence

The accused was charged with the offence of criminal defamation under s 499 of the Penal Code ('the Code') and punishable under s 500 of the same. The accused was also offered an alternative charge for the same offence. The said offence was allegedly committed by the accused in his political speech during a public lecture on 21 August 2011. The accused stated in the said speech, inter alia, in relation to Bukit Kepong film produced by Jins Shamsudin, that the Bukit Kepong police was British police and the attackers were the warriors of independence headed by Mat Indera but the film depicted the attackers of Bukit Kepong police stations as traitors ('the impugned statements'). The said speech was televised in TV3 and reported in the front-page headline of the 'Utusan Malaysia' newspaper under the caption 'Mat Sabu Hina Pejuang' on 27 August 2011 ('the article'). After watching the TV3 news on 21 August 2011 and reading the *Utusan Malaysia* newspaper on 27 August 2011, three complainants lodged police reports against the accused. Pursuant to the investigations carried out by the police, the accused was charged on 15 September 2011. The learned sessions court judge ('the SCJ') found that the said speech was made in the context of the struggle for independence, thus, it was neither defamatory nor offensive. Consequently, the SCJ acquitted the accused from the charges of criminal defamation at the close of the prosecution case, hence the present appeal. The accused submitted that both charges were fatally flawed in that they did not incorporate the essential ingredients of the offence under s 499 of the Code that resulted in depriving the accused of knowing the case he had to face precisely. On the other hand, the prosecution submitted that the learned SCJ did not consider the evidence adduced by the

prosecution in entirety. The prosecution also argued that there was a serious misdirection by the learned SCJ in concluding that the said speech concerned only the struggle for independence. Finally, the prosecution submitted that the learned SCJ erred in fact and law when he found that the prosecution failed to prove its case because the complainants based their complaints on the article or viewing the televised speech of the accused on TV3 without they personally hearing the speech from the accused at the public lecture.

Held, dismissing the appeal and affirming the decision of the sessions court:

(1) The main charge and the alternative charge were deficient in certain material particulars that form the basis of the offence committed by the accused. With regard to the main charge, the precise identity of the person harmed was not disclosed. As to the alternative charge, it was not disclosed that PC37 Constable Marin Abu Bakar Daud, PC8600 Constable Jaafar bin Hassan and PC7625 Yusoff Rono were dead as required by Explanation 1 to s 499 of the Code. Further, the mens rea as specified in the alternative charge would not support the offence because the mens rea must be intending to hurt the feelings (not reputation) of the family since the police officers were all deceased besides also injuring the reputation of those officers (if living). Both charges were defective in substance and not merely form or inadequate particulars. Hence, the charges did not disclose any offence and bad in law (see paras 25 & 28).

(2) The prosecution's contention that the SCJ did not consider the evidence adduced by the prosecution in entirety was misconceived because the SCJ had unequivocally stated in his grounds of judgment that 'Mahkamah telah membuat penilaian secara maksimum ke atas keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh pendakwa dan meneliti hujah-hujah kedua-dua pihak' (see para 29).

(3) The court agreed with the SCJ that the thrust of the impugned statements was on the struggle for independence. The impugned statements did not concern the complainants. The complainants or their fathers who defended the Bukit Kepong police station during the incident were neither put to ridicule nor odium by the accused when seen (heard) in the context of struggle for independence. Since the impugned statements did not concern the complainants, it followed that element (ii) of the offence ie the imputation concerned the complainant, was unmet (see paras 31 & 36–37).

(4) The court was satisfied that the learned SCJ merely misquoted Professor Ramlah Adam as the author of the *Pengukir Nama Johor* book and it did not ipso facto become a misdirection. Upon reviewing the chapter on Bajuri Hj Siraj in the *Pengukir Nama Johor* book and the testimony of Professor Emeritus Khoo Kay Kim, the court was satisfied that there were mixed and differing views as well as perceptions amongst historians on

the role of Mat Indera in respect of the Bukit Kepong incident. Consequently, the learned SCJ did not fall into error in so holding in his grounds of judgment. In the final analysis, it could not be conclusively said that Mat Indera was a traitor to the nation (see paras 38–39).

(5) There was no evidence of the televised broadcast before the learned SCJ but he had the opportunity to compare the article with the speech. The learned SCJ found the article to be inaccurate and the court did not disagree with him. In fact, the court found that *Utusan Malaysia* had embellished and sensationalised the speech of the accused in the article particularly the caption 'Mat Sabu hina pejuang negara'. In fairness to the accused, the passages found in the first, second and seventh paragraphs of the article were never uttered by him in the speech and it was doubtful that he intended to injure the reputation or even harm the feelings of the complainants. In the premises, the learned SCJ had properly and correctly held that the prosecution had not sufficiently proven its case when the complainant themselves did not personally hear the political speech. Based on the aforesaid circumstances and the foregoing reasons, the learned SCJ had rightly acquitted the accused without calling for his defence (see paras 40–41 & 44).

[Bahasa Malaysia summary

Tertuduh telah dituduh kerana kesalahan fitnah berunsur jenayah di bawah s 499 Kanun Keseksaan ('Kanun') dan boleh dihukum di bawah s 500 yang sama. Tertuduh juga telah ditawarkan pertuduhan alternatif kerana kesalahan yang sama. Kesalahan tersebut dikatakan telah dilakukan oleh tertuduh dalam ucapan politik beliau semasa syarahan awam pada 21 Ogos 2011. Tertuduh menyatakan dalam ucapan tersebut, antara lain, berkaitan filem Bukit Kepong oleh Jins Shamsudin, bahawa polis Bukit Kepong adalah polis British dan penyerang-penyerang adalah pahlawan kemerdekaan yang diketuai oleh Mat Indera tetapi filem itu menggambarkan penyerang balai polis Bukit Kepong sebagai pengkhianat ('kenyataan yang dipersoalkan'). Ucapan tersebut telah disiarkan di televisyen di TV3 dan dilaporkan dalam tajuk halaman depan akhbar *Utusan Malaysia* di bawah kapsyen 'Mat Sabu Hina Pejuang' pada 27 Ogos 2011 ('artikel tersebut'). Selepas menonton berita TV3 pada 21 Ogos 2011 itu dan membaca akhbar Utusan Malaysia pada 27 Ogos 2011, tiga pengadu telah memuat laporan polis terhadap tertuduh. Berikutan siasatan yang dijalankan oleh polis, tertuduh telah dituduh pada 15 September 2011. Hakim mahkamah sesyen yang bijaksana ('HMS') mendapati bahawa ucapan tersebut telah dibuat dalam konteks perjuangan kemerdekaan, oleh itu, ia tidak berunsur fitnah atau menyakitkan hati. Berikutan itu, HMS telah membebas dan melepaskan tertuduh daripada pertuduhan fitnah berunsur jenayah di penutup kes pendakwaan, justeru rayuan ini. Tertuduh berhujah bahawa kedua-dua pertuduhan telah cacat sangat sehingga tidak membentuk inti pati penting kesalahan di bawah s 499 Kanun yang mengakibatkan tertuduh

terkilan daripada mengetahui kes sebenar yang dihadapinya. Sebalikya, pendakwaan berhujah bahawa HMS yang bijaksana tidak mengambil kira keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan secara keseluruhan. Pendakwaan juga berhujah bahawa terdapat salah arah yang serius oleh HMS yang bijaksana dalam membuat kesimpulan bahawa ucapan tersebut hanya berkenaan perjuangan untuk kemerdekaan. Akhirnya, pendakwaan berhujah bahawa HMS yang bijaksana telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila beliau mendapati bahawa pendakwaan telah gagal membuktikan kesnya kerana pengadu-pengadu berasaskan aduan-aduan mereka pada artikel tersebut atau dengan menonton uncapan tertuduh di televisyen TV3 tanpa mereka sendiri mendengar ucapan tersebut daripada tertuduh di syarahan awam itu.

Diputuskan, menolak rayuan dan mengesahkan keputusan mahkamah sesyen:

(1) Pertuduhan utama dan pertuduhan alternatif kekurangan dalam butiran penting tertentu yang membentuk asas kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh. Berhubung pertuduhan utama, identiti tepat seseorang yang disakiti tidak didedahkan. Berhubng pertuduhan alternatif, ia tidak didedahkan bahawa PC37 Konstabel Marin Abu Bakar Daud, PC8600 Konstabel Jaafar bin Hassan dan PC7625 Yusoff Rono telah meninggal dunia sepertimana dikehendaki oleh Penjelasan 1 kepada s 499 Kanun tersebut. Selanjutnya, mens rea seperti yang dinyatakan dalam pertuduhan alternatif tidak menyokong kesalahan itu kerana mens rea hendaklah berniat untuk menyakitkan hati (bukan reputasi) keluarga sehingga pegawai-pegawai polis itu kesemuanya meninggal dunia selain daripada menjejaskan reputasi pegawai-pegawai yang hidup (jika masih hidup). Kedua-dua pertuduhan adalah cacat secara substans dan bukan hanya membentuk atau butiran yang tidak mencukupi. Justeru, pertuduhan-pertuduhan tersebut tidak menzahirkan apa-apa kesalahan dan tidak baik dari segi undang-undang (lihat perenggan 25 & 28).

(2) Hujah pendakwaan bahawa HMS terebut tidak mengambil kira keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan secara keseluruhan telah disalah tanggap kerana HMS tersebut telah menyatakan dengan tegas dalam alasan penghakiman beliau bahawa 'Mahkamah telah membuat penilaian secara maksimum ke atas keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh pendakwa dan meneliti hujah-hujah kedua-dua pihak' (lihat perenggan 29).

(3) Mahkamah bersetuju dengan HMS tersebut bahawa teras kenyataan yang dipersoalkan itu adalah berhubung perjuangan untuk kemerdekaan. Kenyataan yang dipersoalkan itu bukan berkenaan pengadu-pengadu. Pengadu-pengadu atau bapa mereka yang mempertahankan balai polis Bukit Kepong sepanjang kejadian itu tidak

diejek atau dibenci oleh tertuduh apabila dilihat (didengar) dalam konteks perjuangan untuk kemerdekaan. Oleh kerana kenyataan yang dipersoalkan itu bukan berkenaan pengadu-pengadu, adalah diikuti bahawa elemen (ii) kesalahan iaitu butiran berkenaan pengadu, tidak dipenuhi (lihat perenggan 31 & 36–37).

(4) Mahkamah berpuas hati bahawa HMS yang bijaksana hanya tersalah petik Profesor Ramlah Adam sebagai penulis buku *Pengukir Nama Johor* dan ia tidak ipso facto menjadi satu salah arah. Setelah meneliti bab berhubung Bajuri Hj Siraj dalam buku *Pengukir Nama Johor* dan testimoni Profesor Emeritus Khoo Kay Kim, mahkamah berpuas hati dengan peranan Mat Indera berkaitan kejadian Bukit Kepong. Berikutan itu, HMS yang bijaksana tidak terkhilaf apabila membuat keputusan dalam alasan penghakiman beliau. Dalam analisis akhir, ia tidak boleh dikatakan secara konklusif bahawa Mat Indera adalah seorang pengkhianat kepada negara (lihat perenggan 38–39).

(5) Tiada keterangan berhubung siaran televisyen di hadapan HMS yang bijaksana tetapi beliau berpeluang untuk membandingkan artikel tersebut dengan ucapan itu, HMS yang bijaksana mendapati artikel tersebut tidak tepat dan makamah bersetuju dengan beliau. Bahkan, mahkamah mendapati bahawa *Utusan Malaysia* telah menghiasi dan mensensasikan ucapan tertuduh dalam artikel tersebut khususnya kapsyen 'Mat Sabu hina pejuang negara'. Demi keadilan kepada tertuduh, petikan-petikan yang terdapat dalam perenggan-perenggan pertama, kedua dan ketujuh artikel itu tidak pernah diucapkan olehnya dalam ucapan itu dan ia diragui bahawa dia berniat untuk menjejaskan reputasi malah menyakiti perasaan pengadu-pengadu. Dalam premis ini, HMS yang bijaksana telah sewajar dan betul memutuskan bahawa pendakwaan tidak membuktikan secukupnya kesnya apabila pengadu-pengadu sendiri tidak mendengar sendiri ucapan politik itu. Berdasarkan keadaan dan sebab-sebab berikut, HMS yang bijaksana telah sewajarnya membebaskan tertuduh tanpa memanggil untuk pembelaannya (lihat perenggan 40–41 & 44).]

Notes

For a case on s 499, see 4(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) para 2677.

Cases referred to

Aw Yang Kee Chuan lwn Pendakwa Raya [1992] 1 CLJ Rep 398, HC (refd)
Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301, FC (folld)
Binaan Sentosa Sdn Bhd v Ng In Kun & Anor [2011] MLJU 897; [2012] 1 CLJ 232, HC (refd)
Datuk Hj Shabudin Yahaya & Ors v YB Dr Afif Bahardin [2016] 1 LNS 291, HC (distd)
Goh Ming Han v PP [2015] 3 MLJ 781; [2015] 3 CLJ 17,CA (refd)

Mohamed Sabu v PP [2013] 2 CLJ 168, HC (refd)
Mohd Yusri bin Mangsor & Anor v PP and another appeal [2014] 4 MLJ 875, CA (refd)
Parwari v Emperor 49 Ind Cas 855; AIR 1919 Allahabad 276, HC (refd)
PP v Ab Latif Muda [2014] 1 LNS 1450, HC (refd)
PP v Chung Tshun Tin & Ors [2008] 1 MLJ 559, HC (refd)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, FC (consd)
Ravindran a/l Ramasamy v PP [2015] 6 MLJ 509; [2015] 3 CLJ 421, FC (refd)
Ti Chuee Hiang v PP [1995] 2 MLJ 433; [1995] 3 CLJ 1, SC (refd)
Uthayakumar a/l Ponnusamy v PP [2003] 5 MLJ 433, HC (refd)

Legislation referred to

Criminal Procedure Code ss 153(1), 154, 156, 182(A), 316
Indian Penal Code [IND] ss 499, 500
Penal Code ss 499, 500, 503, 506

Razali bin Che Ani (Pulau Pinang State Legal Advisor Office) for the appellant.
Mohamed Hanipa bin Maidin (Aminuddin bin Zulkipli, Nasar Khan bin Mirbas Khan, Nadzratun Naim bt Hammad Azizi and Sharifah Nur Asmaa' bt Syed Azman with him) (Amin Amirul & Partners) for the respondent.

Lim Chong Fong J:

INTRODUCTION

[1] This is an appeal brought by the public prosecutor against the trial decision of the sessions court dated 8 July 2015 acquitting the accused from the charges of criminal defamation at the close of the prosecution case. I will address the appellant and respondent as the prosecution and accused respectively.

[2] The charges read as follows:

> Pertuduhan Utama
>
> Bahawa kamu, pada 21 Ogos 2011 jam antara 10.00 malam dan 12.00 tengah malam di hadapan Pusat Asuhan Tadika Islam (PASTI) Al-Fahmi, Markas Tarbiyah PAS, Padang Menora, Tasek Gelugor, Pulau Pinang, telah memfitnah anggota-anggota polis dan keluarga mereka yang mempertahankan diri dalam serangan pengganas komunis di Balai Polis Bukit Kepong pada 23 Februari 1950, dengan membuat tohmahan, dengan perkataan yang dituturkan, di dalam ucapan kepada orang ramai sepertimana yang digariskan dalam *Lampiran A*, dengan mengetahui bahawa tohmahan tersebut akan merosakkan nama baik anggota polis dan keluarga mereka; dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 500 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Pilihan

Bahawa kamu, pada 21 Ogos 2011 jam antara 10.00 malam dan 12.00 tengah malam di hadapan Pusat Asuhan Tadika Islam (PASTI) Al-Fahmi, Markas Tarbiyah PAS, Padang Menora, Tasek Gelugor, Pulau Pinang, telah memfitnah anggota-anggota polis iaitu PC 37 Konstabel Marin Abu Bakar Daud, PC 8600 Konstabel Jaafar bin Hassan dan PC 7645 Yusoff Rono serta ahli keluarga mereka, yang mempertahankan diri dalam serangan pengganas komunis di Balai Polis Bukit Kepong pada 23 Februari 1950, dengan membuat tohmahan, dengan perkataan yang dituturkan, di dalam ucapan kepada orang ramai sepertimana yang digariskan dalam *Lampiran A*, dengan mengetahui bahawa tohmahan tersebut akan merosakkan nama baik ketiga-tiga anggota polis tersebut dan ahli keluarga mereka; dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 500 Kanun Keseksaan.

Hukuman: Sekiranya kamu didapati bersalah dan disabitkan dengan kesalahan, kamu boleh dihukum penjara selama tempoh yang boleh mencapai 2 tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

Bertarikh pada 15 September 2011.

Dengan kuasa Pendakwa Raya

tt

(MOHAMAD HANAFIAH BIN ZAKARIA)

Timbalan Pendakwa Raya

[3] The annexure to the *pertuduhan utama* ('main charge') and *pertuduhan pilihan* ('alternative charge'), to wit: *lampiran* A ('charge annexure') thereto reads as follows:

Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh ...

Ketua Dewan Ulama PAS, juga Pesuruhjaya PAS Negeri Johor, Ustaz Halim Man, Timbalan Pesuruhjaya, seluruh ahli-ahli Jawatankuasa Peringkat Perhubungan Negeri, seluruh Jawatankuasa PAS kawasan Tasek Gelugor, seluruh Jawatankuasa Pemuda Muslimat dan seluruh alim ulama, rakan-rakan dan juga daripada Parti Keadilan, para hadirin hadirat, muslimin muslimat yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, sekali lagi kita dapat bertemu pada malam ini, insyallah lepas raya ini, boleh berdiri elok la kot ... Hahhhh, dah seminggu saya saya buang kerusi roda, sekarang dah boleh pakai tongkat, haa, jadi lepas raya ni jadi Pak Maun laa ... Boleh buang tongkat ... Itu adalah dalam perjuangan ini nasib saya macam tuh nak buat macam mana, haa, kalau kita nak ikut, pasai apa tak kenal semua orang, kita redha dengan apa yang Allah uji kita dalam perjuangan ini. Saya sendiri ISA kena dua kali, bicara kes mahkamah ini, setakat la lima kes, menang dah empat! Tinggal satu gi, hat nak mai ke depan kita nak saman tu belambak lagi, haa, jadi saya hadapi nasib tu, dalam perjuangan ini. Nak buat macam mana, kalau ditahan dibalai polis, lokap tu selalu dah. Cuma kita, rasa apa yang dilalui itu, adalah perkara yang kadang kalanya terpaksa untuk kita membuat pembaharuan politik, tentulah melalui perjuangan, bukan melalui hamparan permaidani merah. Hadirin yang dihormati sekalian, sebelum saya pergi kepada perkara-perkara yang nak saya sampaikan, saya

lancar dulu kutipan derma pada malam ini untuk tuan-tuan membantu perjuangan kita. Para petugas diminta untuk bertemu dengan mereka yang hadir malam ini, Alhamdulillah bulan Ramadhan ramai begini hadir, dalam majlis penerangan kita. Petugas bertemu dengan setiap mereka yang hadir, ini malam sepuluh terakhir, sebarang sedekah jariah kita untuk perjuangan, menegakkan keadilan menentang kemungkaran akan mendapat ganjaran disisi Allah SWT. Apa petugas bertemu dengan setiap mereka yang hadir. Saya akan cuba terus memberi ucapan.

Hadiran hadirat yang dihormati sekalian, saya di tempat lain, saya tak terangkan hal kemalangan yang saya lalui, tapi ini kampung saya, jarak. Jadi yang ada ni kawan-kawan, adik-beradik. Saya terangkanlah sikit hadirin sekalian. Dalam televisyen itu, Pengarah Keselamatan Dalam Negeri berbohong! Dia tunjukkan dengan *touch light* lalu dia kata tengok kereta Pajero tak langgaq pun Mohamad Sabu. Saya buat repot polis 14 Julai, Pengarah Keselamatan Dalam Negeri buat kenyataan 22, dia tak baca repot polis saya. Saya dilanggar oleh kereta polis jenis Waja, bukan Pajero! Kemudian dia kata saya terjatuh langgar divider, lagi muhong! Kereta polis yang tolak kepala lutut saya! Kemudian dia kata saya berlakon dok atas kerusi roda, dia bukan doktor! Lagi dia bercakap, lagi dia bohong, sepatah tak mai mintak maaf sampai hari ni. Dan dia berbohong dalam televisyen, seluruh rakyat Malaysia dengar, saya jawab dalam majlis ceramah, surat khabaq Harakah, surat khabaq Keadilan, tapi hadirin sekalian oleh kerana mereka berbohong terlalu banyak sekarang ni, cakap polis pun orang tak percaya ...! Betui ka dak ...? Tambah cakap Najib lagi muhong! Haa, tuu laa ... siakap senohong gelama ikan duri, suka cakap bohong lama-lama jadi menteri ...

Hadirin sekalian, saya sebut semasa saya dibawa ke hospital *General Hospital* berada dalam Lokap Jinjang, nak ambil wudhu', nak pergi bilik air, nak buat statement polis, nak cop jari, semua dipapah oleh polis dua orang kiri dan kanan sebab tak boleh jalan, dan polis yang papah saya tu ucap terima kasihlah ... Mereka khidmat sungguh ... saya nak gerak ja, dia tau saya takleh jalan kena angkat, haaa ... sampailah dibebaskan jam sepuluh malam, saya letak diletakkan di hadapan lokap, orang lain semua jalan kaki keluaq, saya tak keluaq, kereta masuk ambik ... haaa, tu pada hari Sabtu. Hari Isnin saya pergi ke doktor pakar, doktor pakar, ha, KPJ Hospital dekat rumah di Shah Alam. Dia cek didapati ligamen orang panggil urat belakang lutut terkoyak, kena buat pembedahan. Dia nak buat pembedahan hari tu, dia tak boleh buat sebab darah saya caiq, dok makan desprin pasai ada hal jantung. Dia kata kena berhenti makan desprin empat hari, mai sini kita nak buat pembedahan. Hari Jumaat 15 haribulan, ha ... masuk bilik pembedahan pukul dua petang, pukul empat keluar dari bilik pembedahan iaitu dibubuh satu skru dua inci setengah dalam lutut ni, jadi saya suruh doktor bubuh skru sebab saya nak berlakon.

Hadirin sekalian, pelaq sungguh puak-puak ni, buat main sampai macam tu! Hadirin sekalian, lepas bubuh skru tu, tiga hari kemudian barulah boleh menapak dan Alhamdulillah sekarang dah boleh berjalan dah, cuma naik tangga turun tangga tu kenalah bantuan tongkat sikit. Alhamdulillah, lepas raya ni kembali pulihlah kot ... boleh berjalan dan boleh bekerja lagi dalam parti dalam perjuangan ini.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian, oleh kerana dia tak minta maaf sampai hari ni, lepas ni akan diikutilah dengan tindakan mahkamah. Saya sepanjang dalam perjuangan ini tak berniaga, jadi nak kaya lepas ni dengan samanlah! Haa ... insyallah peguam-peguam pun kata kami banyak hat nak ambil kes saya ni, hat kes

pecah cermin kereta tu, menang di peringkat Juru, kemudian pihak pendakwa buat rayuan di Mahkamah Tinggi, 5 haribulan Ogos bulan puasa ni jugak, Hakim Mahkamah Tinggi mengatakan keputusan Mahkamah Majistret Nibong Tebal betul iaitu saudara Mohamad Sabu ni perlu dibebaskan dan tak perlu membela diri, kita tengoklah, kalau keadaan sesuai, peguam kita akan dakwa pulak, kita akan tuntut pecah cermin dan sebagainya. Itu serahlah pada peguam hadirin sekalian, haa ... Hadi saya terima kasihlah pada doa tuan-tuan semua, sebab saya banyak lalui kes-kes di mahkamah. Haa ... Dato Seri Anwar teruk lagi, tapi saya ni peringkat yang agak kawan kata banyaklah jugak ada pi kes-kes mahkamah. Kita jangan bimbanglah, kita takut pun mati, berani pun mati.

Hadirin yang dihormati sekalian, sekarang pemikiran rakyat sudah mula berubah, mereka tidak lagi diawal merdeka dulu, haa ... Sekarang ni kita ambil suasana nak sambut merdeka, kita tengok takda orang bubuh bendera di kereta. Ada setengah kereta tu dia bubuh dekat dua ratus bendera, tu hat jenis masuk ayaq dalam kepala! Ha, hat jenis tu ada tapi orang biasa saya tak nampak boh. Sebab apa? Ia tak berasa sambut merdeka, sambut merdeka seolah-olah perayaan UMNO. Betul ke dak? Sepatutnya tokoh perjuangan kemerdekaan kena masuk dalam televisyen, kalau nak bubuh Tengku Abdul Rahman, Dato Onn tak pe lah, kena letak jugak Dr Borhanudin! Kena letak jugak Ustaz Abu Bakar Al Bakhir! Kena letak jugak Dato Ahmad Boestaman kena letak jugak Dato Ibrahim Yakop! Kena letak jugak perjuangan-perjuangan seperti Mat Kilau dan sebagainya. Ini penentang-penentang British. Tapi bila mereka Tengku Abdul Rahman, Dato Onn, Tengku Abdul Rahman, Dato Onn, kalau gitu UMNO lah raya! Betul ke dak? Di negeri orang lain sambut merdeka rakyat ambil bendera letak di pintu rumah masing-masing kalau kita pergi Indonesia dan di Thailand, tak kira parti politik pembangkang ke kerajaan ke belum merdeka ini rakyat yang menyambutnya.

Di Malaysia ni, kita tak rasa sambut merdeka rakyat sambut, macam UMNO sambut. Bahkan berlaku berapa tahun lepas di mana Majlis Daerah Raub minta supaya semua parti politik buat tolakan hari merdeka ... Maka PAS di Raub itu kebetulan ahlinya banyak bekas-bekas tentera berletihlah berkawad, elok tak kiralah berkawad puak-puak tentera banyak daripada PAS ni nak sambut merdeka di majlis perbandaran sehari sebelum merdeka? Mai surat! PAS tak boleh terlibat dalam sambut merdeka. Ha ...! Ni hadirin sekalian yang berlaku. Ertinya sambut merdeka ni seolah-olah kepunyaan UMNO. Sebab itu kita lihat tulisan-tulisan blog-blog kebelakangan ini, anak-anak muda kita, em ... Sambut buat pa? Bendera pun dia kata bukan bendera merdeka, lagu Negaraku pulak lagu Hawaii, kemudian diterjemahkan lagu jadi Terang Bulan di Indonesia, kemudian jadi lagu Negaraku.

Mula-mula saya ingat, budak-budak ni melawak, hari tu anak saya tunjuk dia bukak Youtube dia kata ayah dengaq ... Inilah lagu Terang Bulan di Indonesia, ni lagu Negaraku hundred percent serupa ...! Ertinya lagu ni lagu yang diambil dari lagu Terang Bulan bukan lagu patriotik apa-apa pun. Sebab itu kita harap ... Takpa lah dah gunapakai nak buat macam mana tapi kita lihat cara yang dibuat itu, memang banyak yang tak kena ...

Bila hari merdeka nanti tunjuk filem Bukit Kepong, Bukit Kepong polis itu polis British, hat serang Bukit Kepong tu lah pejuang kemerdekaan, ketuanya Mat Indera, Melayu ...! Tetapi semua sejarah itu ditutup, Jins Shamsudin buat filem, Jins Shamsudin tu UMNO, cerita Bukit Kepong hat serang balai polis tu penjahat, polis tu

polis British sebelum merdeka, Negara kita di perintah oleh British tapi dibuat filem hero yang pertahan balai polis, hat serang tu pengganas, tak pa! Ha, Mat Indera ketua penyerang balai polis tu, dan akhirnya dia dihukum gantung di jail Taiping.

Begitulah jugak Tok Janggut, Tok Janggut ni lawan British tapi, sebelum British nak, nak bunuh dia, dia menghasut Sultan Kelantan untuk mengistiharkan Tok Janggut sebagai penderhaka, bila istihar Tok Janggut sebagai penderhaka, barulah Tok Janggut di hukum gantung di Pasir Putih Kelantan, semua sejarah Negara kita mohong, bohong belaka, dulu kita dok mengaji di sekolah jarak, rupanya cikgu tu dok bohong kita, cikgu tu pulak Kementerian Pelajaran mohong dia.

Jadi dok lawan mohong la tuan-tuan sekalian, tapi sejarah kemerdekaan, tak kena tuan-tuan sekalian, sebab itu kita tengok, pegawai British jadi pejuang kemerdekaan, lawan British jadi jahat, siapa pegawai British, Dato Oon, Tuanku Abdul Rahman, tu pegawai British! Hat lawan British, hat tu pulak jadi penganas, Bakar Fakeh pengganas, Doktor Baharuddin pengkhianat, kemudian, Rashid Mydin komunis, semua hat lawan British jahat, hat sokong British hero! Ini Pelik bin Ajaib, hat lawan British tu la pejuang kemerdekaan, tak pa lah kita ambil alih Malaysia esok, kita ubah balik sejarah ni, boleh dak? Bukan kita nak memihak kepada sesiapa, tapi hak betui, haa ... *Kalau kemerdekaan di tangan Tuanku Abdul Rahman,* ya ... *Tapi perjuangan kemerdekaan bukan mereka!* Pejuang-pejuang kemerdekaan kebanyakannya merengkok dalam penjara, di antara mereka lari menyelamatkan diri lari ke Indonesia termasuklah Ibrahim Yaakop, kerana nak di tangkap oleh pihak British, hadirin yang dihormati sekalian, begitulah juga hal pembangunan, pembangunan kalau dulu memanglah UMNO kempen, dia sebut cukup mudah. Dulu mana ada jalan, la jarak nak pi Lunas 15 minit boleh sampai. Siapa buat jalan ni? ... UMNOoooo ... Ha, ya senang macam tu ... Ceramah zaman tu zaman Plastine, zaman Dato Mat Said, dulu ni, yang mai ceramah gitu kita nganga dengaq ahhh ... Tali ayaq jarak tu sapa buat? Perikatannn ... Ha, ni zaman-zaman begitu. Sekarang hadirin sekalian, ceramah dan penerangan macam tu tak boleh, rakyat nak pembangunan. Rakyat nak pembaharuan, yang rakyat tak mahu, penyelewengan dan rasuah. Haa ... Ini yang rakyat tak mahu, rasuah tak mau, penyelewengan tak mau, kalau harga sekolah 20 juta, buat dengan 20 juta, kenapa jadi 30 juta??? Kenapa perlu mark up price ... Naikkan harga sepuluh juta ... Pergi dekat sapa wang ini?? Haa ... Ini yang rakyat tak mau. Sekolah rakyat mau dak?? Mauu ... Makmal komputer rakyat mauu?? Tapi kenapa buat rakyat anak murid. Belum masuk dah runtuh. Stadium rakyat mau. Nak tengok bola, nak bersukan tapi kenapa stadium bina tak sampai setahun runtuh. Pasai apa jadi macam tuu?? Sedangkan kita tengok bangunan, kita tengok tu padang kota, bangunan tuh 80 tahun, seratus tahun sampai la dok kukuh. Bank-bank dok pakai, British buat dulu, bangunan buat lepas merdeka ni, retak pecah kerana apa? Rasuah dan penyelewangan berlaku. Ini perubahan pemikiran rakyat, sebab itulah dalam satu forum anjuran Karangkraf, Sinar Surat Khabar Sinar di Shah Alam baru-baru ini yang hadir adalah Datuk Ambiga, seorang lagi Saifudin Abdullah, Timbalan Menteri daripada UMNO, kemudian seorang lagi Datuk Wan Ahmad daripada SPR dan seorang lagi Professor Sham Shamsul Amri yang rambut panjang tu, Professor Shamsul Amri menyatakan BN sekarang bukan menghadapi rakyat seperti tahun 60-an, rakyat telah berubah dan rakyat telah faham apa dia pembangunan dan sebagainya. Maka BN menghadapi perhakisan sokongan rakyat kalau penyelewengan terus berlaku. Ini diantara petikan kata-kata Professor Shamsul Amri. Beliau menyatakan masalah

yang UMNO hadapi sekarang ini ialah UMNO berkempen ditahap lama. Pemikiran rakyat telah berubah ke tahap baru, mereka masih lagi ditakuk lama iaitu soal siapa buat pembangunan, siapa itu semua sedangkan pemikiran rakyat telah maju ke hadapan. Ini kata Professor Shamsul Amri.

Hadirin yang dihormati sekalian, macam dulu kita masuk pilihanraya, bila kita kata takdirrrr ... Nak buat camna, kita dapat pengundi banyak tuu ... Sekarang kita akui undi kita tak cukup, tapi kenapa tak cukup??? Diantaranya kita tak boleh beri penerangan kepada orang ramai. Media tidak adil. Ini tuntutan yang dituntut kebelakangan ini soal keadilan media.

Contohnya Pengarah Keselamatan Dalam Negeri mengatakan saya tak dilanggar oleh Pajero. Takdak kemalangan. Dia bohong! Saya takdak peluang untuk jawab dalam televisyen. Kalau saya boleh jawab, saya kata saya dilanggar hari tu oleh Waja. Maka rakyat dapat dua penerangan. Satu penerangan Pengarah Keselamatan Dalam Negeri, satu penerangan saya, maka rakyat bebas untuk buat pertimbangan. Sekarang, rakyat yang boleh buat pertimbangan rakyat yang mari dengar ceramah malam ni, sebab dia dah tengok televisyen, dia dengar penerangan saya. Macam mencari rakyat di Ijok, macam mana rakyat di Selama, rakyat Parit, Pahat, Batang Tambun, ahhhhh ... Lata Bayu, Cerok Kudung, Kupang, Merbau Kudung, ka pa semua, ayaq melintas, yang tak mai dengaq dari kalangan kita. Dia percayalah pada apa yang TV bagitau. Disinilah berlaku ketidak adilan media. Bukan kita hendak apa yang kita cerita dikira percaya, kita juga nak apa yang pemerintah cerita, mestilah percaya. Yang pentingnya, kedua-dua dapat peluang, memberi keterangan. Inilah keadilan media yang kita tuntut. Misalnya, mereka menyerang sekarang ni, PAS alat DAP naik sepanduk merata kampung. Kalau UMNO kalah DAP lah yang menang. Sedangkan di Terengganu, DAP satu kerusi pun tak bertanding?? Kalau jadi PAS lawan UMNO, adakah Keadilan satu dua, tu pun Melayu. Tapi kalau tengok sepanduk, kalau UMNO kalah DAP menang. Setengah-setengah orang kampung yang tak paham, dia kata habislah kalau UMNO kalah. Apa nak jadilah Melayu ni? Inilah kata Professor Shamsul Amri iaitu bila BN masuk bertanding di Takok dengan memperbodohkan rakyat. Sedangkan rakyat Bandar, rakyat internet, rakyat blog dah mula mendapat maklumat lain. Oleh itu, Barisan Nasional bertahan. Undi di kampung? Di pendalaman, tidak lagi di Bandar-bandar. Saya sebutlah kalau di sebelah bandar sekarang ni, Shah Alam ka, Petaling Jaya ka, sebut UMNO pun orang geli. Ragam muda, kamu ni UMNO ka? Eeeii ... Dok geli dengar, tapi kalau jarak dok sebut UMNO, dia tak geli lagi. Tapi orang yang di Bandar, dia tau sejarah, dia baca internet, dia tengok laporan semua. Rupanya banyak berlaku pembohongan sejarah.

Hadirin yang dihormati sekalian, sebab itu tuntutan kita diatas keadilan media ini. Kita tak dapat lagi terlalu pincang, terlalu pincang. Kita tengoklah menjelang bersih. Allah. Saya dipanggil oleh Bukit Aman, oleh pemimpin polis yang tinggi-tinggi. Ketua Polis Negara, timbalan dalam cakap dan mereka sambut saya dengan mesra saya akui. Namun tersebutlah diantaranya dia sebut, nanti ramai orang datang. Nanti meniaga tak laku. Saya kata pelik? Peniaga tak suka orang ramai. Peniaga yang tak suka orang ramai datang. Hantar mereka berniaga di Hulu Tembeling, Hulu Tembeling tau??? Daripada Jerantut tu kena naik bot enam jam ohhh ... Haa ... Pi meniaga dalam tu ... Ni tuan-tuan semua ni orang meniaga, betui tak betui suka orang ramai-ramai?? Pelik ka tak? Dok interview dalam televisyen tu, tak suka orang ramai datang, nanti perniagaan saya merosot. Eh, pelik!!! Dia kata

nanti masuk pulak dalam kedai ... Dia kata masuk dalam kedai, kerna hangpa sembuq gas pemedih mata ... Kalau sembuq gas pemedih mata, bukan takat kedai, kandang babi pun kami masuk. Kena gas pemedih mata. Kalau babi lari, belum tentu babi dengan kambing, serupa laju lari. Yang polis pun diam, nak tergelak pun ada depa tu ... Depa tak berani gelak bos ada. Jadi beri jawapan yang tak logik tuan-tuan sekalian. Ahhh ... jadi kita tuan-tuan sekalian, kemudian kita saya takut kenapa kumpulan yang nak mandi darah. Sorang pun tak diambil tindakan. Kuat sikit. Kamu sanggup bermandikan darah, ehhh kita bukan nak pi perang, hang nak pi mandi darah dengan sapa? Tapi hari 9 haribulan bersih tu, Omar Din hadir tauuu!!! Tuan-tuan tak nampak sebab dia meresap jangan anggap dia tak hadir. Dia hadir tapi dia meresap. Dia banyak tuliskan perkara-perkara yang tak logik. Kemudian ini pertubuhan haram bersih, tiba-tiba Yang Dipertuan Agong jumpa takkan Yang Dipertuan Agong jumpa pertubuhan haram, boleh kah masa askar dan polis kita dok berlawan dengan Parti Komunis Malaya dulu sebelum tandatangan perjanjian damai tahun 89, bolehkah Yang Dipertuan Agong bertemu dengan Parti Komunis Malaya???? Boleh kaa???? Tak boleh ... Tetapi bersih Yang Dipertuan Agong bertemu dan orang yang bertemu itu pulak Datuk S Ambiga, bekas pengerusi peguam, Datuk A Samad Said, sasterawan Negara. A Samad Said inilah penggerak utama dalam perhimpunan bersih. Kalau tuan-tuan nak tahu, maka dua, tiga hari amaran macam-macam kalau tak bersurai tembaklah! Apapun amaran masa itu beberapa orang dah goyang nak jadi, tak jadi, nak jadi, tak jadi!! Datuk A. Samad Said kami tanya dia macam mana Datuk?? Jadi ka tak perhimpunan ni? Jangan lihat cakap saya ... Lihat tindakan saya ... Datuk A Samad Said dia bercakap bilapun dia bersajak ... Saya dok depan dia pun, saya sebut Datuk ni rasa nak ajak bini dia pi tidoq pun dia sajak dulu, hari sudah larut malam, betapa dingin rasanya kulit ini, buat apa kita berbual kosong disini, kan lebih baik pergi beradu ... Kita takdalah cakap jarang ja ... Jom tidoq laa ... anak semua tidoq dahh ... La hai tidoq gu mana??? Hang jenis tidoq macam kita ja la ...

Hadirin sekalian, A Samad Said dan hari perhimpunan itu, saya diberitahu juga sebab perhimpunan baru ini. Saya tak terlibat. Kenapa apa tak terlibat? Dah kena tangkap awal ... Depa langgaq awal 1250 cekup dahhhh ... Ahh jadi tak tau lah A Samad Said berjalan sampai di stadium ... Berjalan sampai ke pintu istana ... Dia tak takut bila orang tembak gas. Dia nih janggut dia tutup hidung ... Janggut dia sampai pusat tuh ... Saya masa itu keluar yang pentingnya beliau punyai semangat yang cukup cekal terutama dia amat tidak setuju dengan kerajaan BN dalam segi menjaga bahasa PPSMI dia menjadi hero hantar memorandum supaya mansuhkan pengajian dalam Bahasa Inggeris sebab apa pikiran dia dan cendekiawan melayu yang lain, kalau berterusan program itu, Bahasa Melayu akan lupus, 15 tahun 20 tahun lagi di Malaysia ini. Ini bukan kata kajian kita. Orang jarak ni ... Ini kajian dibuat para professor. Tiba-tiba UMNO kata tarik pembela bangsa tak cukup dengan UMNO diswastakan pulak kepada perkasa ... Ahhh padahal cendekiawan melayu berarak kena gas dan sebagainya. Minta Bahasa Melayu dipertahankan ketuai diantaranya Datuk A Samad Said. Sekarang di boikot semua program kerajaan. Satu program kerajaan di Kundang, dibayar tambang elaun adalah duit. Sekarang dia boikot semua. Orang tanya dia macam mana duit dia ada. Dia ada akaun bank 96 ringgit. Saya jamin dia kata cukup untuk hidup. Ini dia Datuk A Samad Said, dia kurus. Kalau dimakan teh tarik tu, setengah gelas ja, tapi bukan soal itu. Ini semangat perjuangan tua hadirin sekalian, yang sayangkan bangsa dan yang

